

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Northern Corridor Research Centre (NCRC)
Sent: 21 Januari 2016 16:45
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: NCRC MAHU LAHIRKAN BUDAYA MEMBACA DALAM KALANGAN KOMUNITI LUAR BANDAR



**Pusat Penyelidikan
Koridor Utara**
NORTHERN CORRIDOR RESEARCH CENTRE
Universiti Utara Malaysia

21 JANUARI 2016 / 11 RABIULAKHIR 1437H

=====
"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum w.b.t and Salam Sejahtera

YBhg. Dato' Seri/ Dato'/ Datin/ Y.Brs. Prof./ Dr./ Mr./Mdm



NCRC MAHU LAHIRKAN BUDAYA MEMBACA DALAM KALANGAN KOMUNITI LUAR BANDAR

NCRC ONLINE : Perkembangan e-media dibimbangi melebarkan jurang pendidikan dalam kalangan komuniti luar bandar. Justeru kewujudan perpustakaan dilihat masih relevan pada masa kini dan akan datang walaupun dengan ledakan Teknologi Maklumat (IT), ia adalah sebagai suntikan awal untuk anak-anak mencintai ilmu dan menanam budaya suka membaca terutama pelajar dan golongan belia di luar bandar.

Kebimbangan tersebut telah mencetuskan hasrat Pengarah NCRC untuk melaksanakan Program Libatsama Universiti-Komuniti: Penajaan Bahan Bacaan Ilmiah untuk Pusat Sumber Komuniti Luar Bandar. Pengarah NCRC berkata, "Bahan-bahan bacaan di Pusat Sumber luar bandar perlu dipelbagaikan dari tahap paling rendah hinggalah kepada bahan bacaan ilmiah di peringkat universiti supaya dapat menarik minat semua peringkat komuniti menggunakan kemudahan tersebut".

Prof Madya Dr. Rohana Yusof yang juga merupakan Pegawai Fokal, University-Community Transformation Centre (UCTC-UUM) juga berkata "Objektif penganjuran program ini antara lain adalah untuk mengalakkan penglibatan masyarakat universiti dalam penganjuran aktiviti yang dapat menyumbang kepada peningkatan ilmu kepada komuniti luar bandar".

Program tersebut telah dilaksanakan pada 31 Disember 2015 dengan kerjasama UUM Press, Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) dan Pusat Transformasi Luar Bandar Negeri Kedah (RTC). Penyerahan sebanyak 1400 buah buku ilmiah telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah NCRC, Profesor Madya Dr. Norehan Abdullah dalam suatu Majlis ringkas dan padat yang dianjurkan KEDA di Pusat Transformasi Luar Bandar Negeri Kedah (RTC).

Menurut Timbalan Pengarah KEDA, Yang Berusaha Tuan Haji Arifuddin Bin Habib, buku-buku yang disumbangkan oleh warga UUM melalui inisiatif UCTC-UUM ini akan ditempatkan di beberapa Pusat Sumber Mini-RTC dan juga Petempatan Penduduk Rakyat Termiskin di bawah KEDA.



Tidak perlu dicetak e-mel ini kecuali benar-benar perlu. (Please don't print this e-mail unless necessary).

FROM:
NORTHERN CORRIDOR RESEARCH CENTRE (NCRC)
ARAS 2, BANGUNAN ECONOMI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 6559
FAX: 04-928 6561
E-MAIL: ncrc@uum.edu.my
WEBSITE: www.ncrc.uum.edu.my